

25/06/2004

Penyelesaian terbaik isu air di meja rundingan

By Mutazar Abd Ghani

KEPENTINGAN sumber air terbukti sejak dulu lagi apabila ada negara yang sanggup berperang semata-mata berebutkan anugerah alam itu. Air juga menjadi aset strategik dan sumber kekuatan kepada sesebuah pemerintahan, hinggakan banyak kota atau negara yang diasaskan berhampiran sungai.

Pada zaman moden ini pula ada negara membelanjakan peruntukan besar bagi mendapat atau meningkatkan sumber bekalan air, termasuk membeli dari negara jiran atau menyuling air laut.

Bagaimanapun, kesedaran berhubung kepentingan air di kalangan rakyat Malaysia masih lagi pada tahap rendah. Ini kerana walaupun penggunaannya dikenakan bayaran, kadarnya masih lagi rendah.

Terbaru, isu air juga telah menimbulkan polemik di antara dua negeri berjiran di wilayah utara Semenanjung - Pulau Pinang dan Kedah. Ia susulan kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mencadangkan supaya Kedah mengenakan bayaran terhadap pembekalan air mentah ke Pulau Pinang yang selama ini percuma.

Berikutan kenyataan itu, pelbagai fakta dan hujah dikemukakan pucuk pemimpin kedua-dua negeri bagi menyokong rasional masing-masing. Kedah berpendapat Pulau Pinang perlu membayar sumber bekalan air mentah yang diambil dari Sungai Muda yang terletak di sempadan kedua-dua negeri, manakala Pulau Pinang menyatakan sebaliknya.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berhujah Pulau Pinang dan juga Perlis wajar mempertimbangkan bayaran air mentah berkenaan kerana negeri itu sudah melakukan pengorbanan menyediakan kawasan tadahan air seluas 400,000 hektar di Pedu.

Katanya, jika Kedah membangunkan kawasan tadahan itu seperti menebang hutan, ia akan memberi hasil hampir RM2 bilion tidak termasuk mengadakan projek pertanian yang akan memberi hasil hampir RM500 juta setahun.

Beliau juga mendakwa perjanjian sejak dulu lagi sudah menetapkan bekalan air kepada negeri berkenaan adalah untuk minuman dan pertanian, bukannya kegunaan industri.

"Walaupun mereka kata air itu hak dia (Pulau Pinang), 70 hingga 80 peratus dari bekalan air itu daripada sumber kita, begitu juga Perlis," katanya.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon, pula berpendirian Pulau Pinang tidak sepatutnya dikenakan bayaran kerana selain Sungai Muda adalah sungai bersama, ia juga perkara yang rumit untuk menentukan jumlah bayaran.

Beliau turut membuat perbandingan bahawa pengambilan air Sungai Muda berbeza dengan kes Singapura dan Melaka yang mengambil air dari Johor kerana ia dibuat menerusi paip dan sistem saluran yang dibina khas. Sebaliknya, Pulau Pinang mengambil sumber air dari Sungai Muda yang terletak di sebelah negeri itu dan tanpa membabitkan sebarang kos kepada Kedah.

Dalam menyokong hujahnya, Koh turut mengambil contoh Sungai Nil yang bermula di Etiopia dan Uganda, tapi mengalir melalui Sudan dan Mesir. Begitu juga Sungai Mekong yang berpunca di China dan mengalir melalui lima negara dengan Kemboja dan Vietnam di bahagian hilir, manakala ia membentuk sempadan di antara Laos dan Myanmar serta Thailand.

"Dengan contoh antarabangsa itu, negara di bahagian hulu sungai tidak mengenakan bayaran kepada negara di bahagian hilir bagi kegunaan sumber air sungai bersama. Sebaliknya, mereka berkongsi sumber air berkenaan,"

katanya.

Koh juga menyatakan Pulau Pinang sebenarnya banyak menyumbang secara langsung atau tidak langsung terhadap pembangunan ekonomi Kedah dan pada masa sama turut memperoleh manfaat dari negeri jirannya itu.

Katanya, ini terutama sejak perkembangan industri elektronik pada 1970-an dan kemudian industri teknologi maklumat (IT) di Pulau Pinang, yang menyaksikan limpahan industri pembuatan ke Kedah, terutama Sungai Petani dan Kulim.

Malah, hujah beliau lagi ketika perkembangan pesat sektor industri pada 1990-an yang menyaksikan berlaku masalah kekurangan tenaga kerja di Pulau Pinang, kerajaan negeri menggalakkan kilang yang ingin membesarkan operasi supaya ditempatkan semula di Kedah.

"Semua ini dilakukan dalam konteks Jawatankuasa Pembangunan Wilayah Utara yang ditubuhkan pada 1991 dan Pulau Pinang sesungguhnya mengamalkan semangat 'memakmurkan jiran'," katanya.

Koh dilihat bertegas dengan pendirian bahawa Pulau Pinang tidak sepatutnya dikenakan bayaran terhadap pengambilan air dari Sungai Muda. Bagaimanapun, nadanya sedikit berubah kelmarin apabila beliau menyatakan Pulau Pinang pada dasarnya bersetuju berunding dengan Kedah berhubung isu berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, persetujuan itu bukannya bagi membincangkan kadar caj yang perlu dibayar, sebaliknya berunding mengenai isu yang berbangkit itu.

"Saya mahu menjelaskan bahawa kerajaan Pulau Pinang bukan tidak mahu berbincang langsung, tetapi bersetuju secara prinsip untuk berunding mengenai isu ini dan bukannya bersetuju untuk membincangkan kadar caj.

"Kita perlu berunding secara mendalam dan bukannya membuat pengumuman terbuka menerusi media kerana akan mengeruhkan lagi keadaan," katanya.

Perubahan pendirian itu dipercayai selepas Syed Razak pada hari sebelumnya, menyatakan Kedah tetap akan meneruskan usaha supaya Pulau Pinang membayar air mentah yang dipam dari Sungai Muda.

"Air adalah khazanah negeri dan di bawah bidang kuasa negeri. Kami perlu melakukan sesuatu bagi mengelak tanggapan kerajaan Kedah tidak peka terhadap khazanah negeri," katanya.

Kedah dan Pulau Pinang berkongsi Sungai Muda sepanjang kira-kira 170 kilometer yang berpunca dari Baling dan berakhir di Penaga, dekat Kepala Batas. Ia mengalir sejauh kira-kira 40 km merentasi Pulau Pinang dan menjadi sumber bekalan air kepada penduduk di Seberang Prai.

Jika diamati, kenyataan kedua-dua pemimpin negeri berjiran itu mempunyai fakta logik serta berasas. Jika Kedah dapat membuktikan memang ada perjanjian sebelum ini dengan Pulau Pinang berhubung syarat penggunaan serta caj pengambilan air Sungai Muda, negeri jelapang padi itu dilihat memiliki kelebihan dalam isu ini.

Apa pun seperti kata Koh, penyelesaian terbaik kepada isu ini adalah di meja rundingan dan bukannya menerusi media. Pembabitan orang tengah yang bertindak sebagai penimbang tara juga sesuatu yang perlu supaya sebarang keputusan yang dicapai akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Yang pasti dan paling layak bertindak sebagai penimbang tara ialah Kerajaan Pusat.

(END)